

D306

U B526 AAB

MAHATHIR - LAWATAN

KUCHING, 20 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH MOHAMAD ALI HARI INI DIBERI SAMBUTAN PERMAIDANI MERAH DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUCHING SETIBA MEREKA UNTUK LAWATAN RASMI LIMA HARI KE SARAWAK.

KETIBAAN MEREKA DISAMBUT OLEH KETUA MENTERI DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD DAN DATIN PATINGGI HAJAH LAILA TAIB SERTA 5,000 ORANG ANGGOTA MASYARAKAT PELBAGAI SUKU KAUM.

YANG TURUT BERADA DI LAPANGAN TERBANG IALAH PARA ANGGOTA KABINET NEGERI, PEMBESAR NEGERI DAN KETUA-KETUA JABATAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR DIBERI SAMBUTAN TRADISI DENGAN PEREMBAHAN KEBUDAYAAN PELBAGAI SUKU KAUM TEMPATAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN ISTERI SETERUSNYA MENGUNJUNGI YANG DI-PERTUA NEGERI, DATUK PATINGGI HAJI AHMAD ZAIDI ADRUCE MOHAMED NOOR DI ISTANA DENGAN MENAIKI KERETA PROTON SAGA YANG DIPANDU OLEH DATUK PATINGGI TAIB DARI LAPANGAN TERBANG. -- LAGI.
1424MST 20 08 85

D307

U B527 AAB

MAHATHIR - LAWATAN 2 KUCHING

DUA BUAH KERETA PROTON SAGA TIBA DI SINI PAGI INI DALAM SIRI MENJELAJAHI MALAYSIA.

PETANG INI, PERDANA MENTERI AKAN MERASMIKAN BANGUNAN TAMBAHAN HOTEL HOLIDAY INN SEBELUM MELAWAT MUZIUM NEGERI.

MALAM INI BELIAU MENGHADIRI MAJLIS NAKAN DI DEWAN ASA JAYA DI HOTEL ITU. -- BERNAMA.

1425MST 20 08 85